


# Siapa pewaris Rom dalam PERANG SYRIA?



Perang di Syria sudah berlanjutan lima tahun tetapi belum nampak bagaimana kesudahan. Buat masa ini, hasil paling ketara perang ini ialah kemunculan Islamic State yang mentadbir secara kejam di tempat yang dikuasai dan antara ekoran daripada itu juga ialah beribu-ribu pelarian Syria mencari perlindungan di Eropah.

Konflik di Syria itu disebut sebagai Perang Saudara. Tetapi pembabitian kuasa-kuasa dan pejuang-pejuang asing menjadikannya lebih merupakan perang proksi, antara Amerika Syarikat dengan

Rusia di peringkat global dan antara Arab Saudi dengan Iran di peringkat rantau. Turki juga terbabit dan berada pada kedudukan sebagai sekutu Amerika.

Pertembungan antara Amerika dengan Rusia boleh dilihat sebagai penjelmaan semula Perang Dingin yang berlaku sekitar tahun-tahun 50-an dan 80-an apabila Washington dan Moscow bersama. Namun Moscow bukannya memimpin Rusia tetapi mengetuai Soviet Union.

Sepanjang Perang Dingin, Syria adalah sekutu Soviet manakala Saudi dan Turki

adalah rakan Amerika. Sementara Iran adalah sekutu Amerika sebelum Revolusi Islam pada tahun 1979. Selepas itu, Iran menolak untuk menjadi sekutu Amerika ataupun Soviet.

Pada zaman Rasulullah s.a.w., geopolitik dunia belum global tetapi ia sudah bersifat serantau. Ketika pemerintahan baginda di Madinah pada abad ketujuh, kuasa besar di rantau itu ialah Rom dan Parsi. Maka disebut bahawa Rom dan Parsi akan tumbang di tangan Islam. Pada zaman Rasulullah s.a.w. dan empat khalifah selepas baginda,

## KHILAFAH ISLAM UMAYYAH

Pemerintahan Islam di bawah Khalifah Rasyidun berpangkalan di Madinah meluaskan kedaulatannya di Mesir, Palestin dan Syria atau Shams. Di Shams, gabenornya adalah salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w., Muawiyah. Beliau kemudian menjadi khalifah dan memulakan pemerintahan Bani Umayyah di Damsyik. Walaupun Damsyik hanya sebuah wilayah Empayar Rom Byzantine, sebelum kedatangan Islam, tetapi Khilafah Umayyah dapat dilihat sebagai pewaris Empayar Rom kerana tamadun Rom sudah berakar umbi di situ. Bolehlah dikatakan Khilafah Umayyah merupakan lanjutan kepada tamadun Rom tetapi telah diislamkan.

Tetapi konsep empayar dan khilafah berbeza. Empayar dari perkataan empire juga berkaitan imperium bermaksud khazanah atau kekayaan. Ketua empayar dipanggil emperor atau maharaja. Maknanya di bawah maharaja ada banyak raja. Khilafah atau *caliphate* adalah pemerintahan yang mewarisi kekuasaan Rasulullah s.a.w. di Madinah. Khilafah diketuai oleh khalifah. Nama asal jawatan itu ialah khalifatur Rasulullah atau pewaris, atau successor pada Rasulullah s.a.w.

Dalam sejarah, pemerintahan Islam bukannya mewarisi sebahagian daripada Empayar Rom melalui Khilafah Umayyah di Syria, ia juga mewarisi sebahagian Empayar Parsi yang disaksikan dengan kemunculan Khilafah Abasiyah di Iraq. Tetapi pemerintahan Islam mengukuhkan pewarisannya



pusat pemerintahan Islam adalah Madinah.

Tetapi kota Rom tidak pernah berada di tangan Islam. Pada masa ini Rom ialah ibu negara Itali. Itali bukanlah pewaris mutlak kerajaan Rom. Dalam pada itu terdapat sebuah kerajaan di tengah kota Rom yang bukan sebahagian daripada Itali. Ia adalah merdeka, beraulat dan juga salah sebuah entiti yang boleh dikatakan sebagai pewaris kepada Rom. Kerajaan itu adalah Vatican, pusat pemerintahan agama Kristian Katolik bagi seluruh dunia yang diketuai oleh Pope.

Kerajaan Rom yang jatuh ke tangan Islam ialah Constantinople, kini dikenali sebagai Istanbul yang berada dalam Turki. Walaupun Istanbul adalah ibu kota Khilafah Uthmaniah tetapi ibu negara Republik Turki adalah Ankara. Constantinople dianggap sebagai Rom kedua, yang bermakna ia adalah pewaris Rom.

Sememangnya Constantinople pewaris Rom kerana Maharaja Constantine menjadikannya ibu kota Empayar Rom apabila singgahsana dipindahkan dari Rom sebagai langkah pembaharuan daripada sebuah kerajaan pagan kepada Kristian. Pagan di sini bermaksud agama orang Rom sebelum menganut Kristian.

Constantinople itu mengambil sempena nama Constantine, Maharaja Rom pertama yang memeluk Kristian. Sebelum itu, ia bernama Byzantium. Empayar Rom meliputi wilayah yang besar di Eropah, Asia dan Afrika. Syria adalah salah sebuah wilayah dalam Empayar Rom. Di kalangan penduduknya, ia dikenali sebagai Shams. Ibu kota wilayah ini ialah Damascus atau Damsyik.

Setelah Constantine mangkat, Empayar Rom berpecah dua, Rom Timur beribu kotakan Constantinople dan Rom Barat yang memulihkan kedudukan Rom. Rom Timur dikenali juga sebagai Empayar Byzantium yang jajahannya termasuk Syria.





**Perang saudara di Syria bila akan berakir?**

terhadap Empayar Rom apabila Khilafah Uthmaniah menakluk Constantinople yang menjadikannya Istanbul.

Apabila Empayar Byzantine di Constantinople itu tumbang, maka pusat Kristian mazhab Orthodox berpindah ke Rusia. Malah Moscow disifatkan sebagai Rom ketiga, iaitu menggantikan Constantinople dan Rom sendiri. Maharaja Rusia pula mengambil gelaran Czar, dari perkataan Caesar, iaitu sempena daripada nama Julius Caesar, ketua utama unggul Empayar Rom.

Sementara di Rom sendiri, yang dilihat sebagai pewarisnya ialah Holy Roman Empire atau Empayar Suci Rom di bawah kedaulatan Maharaja Charlemagne. Selepas kemangkatan baginda, empayarnya berpecah. Daripadanya muncul dua negara utama iaitu Perancis dan Jerman. Maka dari satu segi kedua-dua negara itu adalah pewaris kepada Empayar Rom. Raja Jerman kemudiannya mengambil gelaran Kaiser yang juga daripada perkataan Kaiser. Peradaban Jerman

dikagumi oleh Rusia. Czar Peter the Great melancarkan proses pemodenan Rusia dengan mengambil contoh daripada Jerman. Baginda membina ibu negara baharu bagi Rusia iaitu di St Petersburg.

Sementara itu, Britain pula pada satu masa adalah sebuah wilayah Empayar Rom. Ketika Kristianisasi Eropah, ia juga menjadi sebuah negara yang hal ehwal agamanya terletak di pusat mazhab Katolik di Vatican, Rom. Tetapi pada pemerintahan Raja Henry, Britain berpecah daripada Pope untuk memiliki mazhab sendiri bernama Anglikan. Maka apabila Empayar British menjadi besar semasa pemerintahan Ratu Victoria yang juga diisytiharkan sebagai Empress of India atau Maharani India, kota London diimpikan sebagai Rom baharu.

Ciri-ciri sebagai Rom baharu dibawa oleh ahli seni bina Christopher Wren.

Beliau mereka bentuk bangunan-bangunan penting London mengikut seni bina Rom. Antaranya ialah gereja besar St Paul, bangunan mahkamah, istana dan monumen-monumen lain.

Turut berada dalam Empayar British ialah 13 negeri di Amerika Utara. Mereka ini kemudiannya memberontak untuk menubuhkan Amerika Syarikat. Republik ini bukan saja mahu menjadi pewaris kepada Britain tetapi ia malah lebih daripada itu, iaitu juga sebagai pewaris kepada Empayar Rom.

Ibu negaranya, Washington dihiaskan dengan bangunan-bangunan dengan berasaskan pada karya peradaban Rom. Bangunan Capitol, Congress, White House, National Cathedral dan Supreme Court adalah kesemuanya mengambil model Rom.

Maka jika dilihat pada konflik yang berlaku di Syria hari ini, semua negara terlibat adalah pewaris kepada Empayar Rom. Syria sendiri adalah sebuah wilayah penting Rom. Amerika, Perancis, Turki dan Arab Saudi yang menyokong pihak pembangkang Syria adalah juga pewaris Rom. Rusia dan Iran yang mempertahankan kerajaan Baathis di Damsyik juga pewaris Rom.

Sementara Empayar Rom sendiri adalah pewaris kerajaan-kerajaan terdahulu seperti Yunani, Babylon, Mesir dan Carthage. Pada keseluruhannya semua kerajaan adalah pewaris kepada pemerintahan sebelumnya. Begitu juga dengan tamadun dan peradaban. Akhirnya kesemua komuniti manusia berkait antara satu sama lain. **A**

